

## **Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Plagiat dalam Kalangan Pelajar**

AIDA RUZANA BINTI MOHAMAD ZAKI  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
ruxana201@gmail.com

NOOR RAUDHIAH ABU BAKAR  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
raudhiah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Pemberian maklumat (*whistleblowing*) pada awalnya dianggap sebagai perkara yang tidak baik dan menjatuhkan sesebuah institusi. Namun, persepsi tersebut mula berubah kerana kebanyakan kes yang melibatkan pemberian maklumat memberi kesan yang baik terhadap sesebuah institusi. Pemberian maklumat ini juga dijangkakan dapat mengurangkan tingkah laku plagiat dalam kalangan mahasiswa. Objektif kajian ini ialah mengkaji hubungan antara pemberian maklumat dan keagamaan dengan tingkah laku plagiat dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan data yang dikumpulkan melalui tinjauan borang soal selidik dan telah dianalisis menggunakan analisis regrasi. Sebanyak 150 responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa di sebuah IPTS di Selangor. Analisis purata menunjukkan pemberian maklumat adalah agak rendah dan ini menunjukkan kesukarelaan untuk melakukan pemberian maklumat tidak memberangsangkan sedangkan pemberian maklumat ini penting bagi mengurangkan masalah salah laku dalam institusi. Analisis regrasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara pemberian maklumat dengan tingkah laku plagiat. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pemberian maklumat maka semakin rendah tingkah laku plagiat. Sebaliknya nilai keagamaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku plagiat. Oleh itu, pihak institusi seharusnya memberikan pendedahan tentang keburukan tingkah laku plagiat dan kesalahan tersebut dari segi keagamaan serta menggalakkan mahasiswa untuk melakukan pemberian maklumat. Pendedahan tentang kepentingan pemberian maklumat dijangka akan mengurangkan tingkah laku plagiat dalam kalangan pelajar.

*Kata Kunci: Tingkah Laku Plagiat, Pemberian Maklumat (whistleblowing), Keagamaan*

### **PENDAHULUAN**

Plagiat bukanlah satu isu yang baharu dalam kalangan pelajar universiti. Tingah laku plagiat menjadi kebiasaan ketidakjujuran akademik ataupun meniplak hasil kerja orang lain berlaku di institusi pengajian tinggi kini (Ramlan Mustafa, 2016). Bagaimana pun pada era teknologi maklumat dan komunikasi khususnya internet, masalah ini bertambah serius. Isu plagiat dalam pendidikan dapat dilihat daripada pelbagai perspektif, penyalinan dokumen, atau meniplak tanpa memberi kredit kepada penulis asal boleh dianggap sebagai ketidakjujuran akademik.

Mengikut Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Ke-4, plagiat bermaksud perbuatan mencedok kata-kata, idea, dan lain-lain daripada karya orang lain dan menggunakannya

sebagai karyanya sendiri. Dari segi bidang akademik pula bermaksud gejala menciplak oleh pelajar, profesor penyelidik dan dianggap sebagai penyelewengan akademik.

Perbuatan memplagiat ini telah memberi banyak impak yang besar terhadap pembelajaran mahasiswa. Budaya ini menjadi isu di kalangan mahasiswa dan dianggap sebagai parasit kerana bukan sahaja sekadar membinasakan kredibiliti, malah menyebabkan mereka berterusan memplagiat tanpa menghiraukan penat lelah orang lain. Isunya bukan hanya membabitkan satu pihak malah mempengaruhi pihak lain yang terlebih dahulu bersusah payah menghasilkan terbitan, karya dan idea asli.

Tingkah laku plagiat merupakan tindakan yang sangat bertentangan dengan nilai-nilai dan etika akademik kerana plagiat secara umumnya merupakan salah laku menciplak atau mencuri karya orang lain dan dijadikan sebagai karya peribadi (Wibowo, 2012). Tingkah laku plagiat ini juga bercanggah dengan nilai-nilai keagamaan yang sangat menitikberatkan unsur-unsur moral.

Justeru itu, tingkahlaku ini perlu dibanteras. Kajian sebelum ini banyak mengkaji tentang faktor yang menyebabkan plagiat. Faktor yang dikaji berkaitan tingkahlaku plagiat lebih kepada faktor dalaman pelajar seperti sikap (Nurmina, 2017) dan pengetahuan (Suryana, 2016). Walaupun tingkahlaku plagiat ini semakin berleluasa namun tindakan untuk mengurangkan atau kajian berkaitan faktor yang dijangka mengurangkan tingkahlaku tersebut amat kurang. Salah satu faktor yang dijangka dapat mengurangkan tingkahlaku plagiat ialah pemberian maklumat namun faktor ini jarang diketengahkan. Pemberian maklumat tentang salah laku terutamanya plagiat amat diperlukan untuk membanteras kegiatan ini.

Pemberian maklumat atau "*whistleblowing*" adalah laporan yang dilakukan oleh ahli dalam sebuah organisasi terhadap salah laku, kelakuan tidak bermoral dan haram yang berada dibawah kawalan majikan terhadap individu atau organisasi yang mungkin dapat mengakibatkan suatu tindakan (Elias, 2008). Maklumat ini biasanya akan dilaporkan dan didedahkan kepada pihak yang bertanggungjawab sama ada pihak pengurusan, media, kesatuan pekerja, badan professional ataupun penguatkuasaan undang-undang. Tujuannya ialah untuk menjaga kepentingan orang ramai tanpa sebarang niat untuk menjatuhkan mana-mana pihak ataupun kepentingan diri sendiri.

Pemberian maklumat dalam kalangan pelajar juga penting kerana ia dapat mengurangkan tingkah laku plagiat dalam kalangan mahasiswa. Kajian yang dibuat oleh Silva (2014) menjelaskan bahawa seseorang yang melakukan pemberian maklumat kurang melakukan salah laku dan mereka lebih cenderung untuk melaporkan salah laku daripada membiarkan salah laku tersebut. Hal ini menunjukkan, pemberian maklumat boleh mengurangkan masalah salah laku seperti plagiat.

Selain dari pemberian maklumat, nilai keagamaan dalam diri pelajar juga dijangka mengurangkan tingkahlaku plagiat. Ini kerana nilai keagamaan boleh dilihat sebagai satu mekanisma penting dalam mengawal tingkah laku. Tingkah laku plagiat juga boleh dikaitkan dengan keagamaan kerana tingkah laku plagiat ini menyalahi etika Islam iaitu menciplak atau meniru hasil kerja orang lain tanpa pengetahuannya. Islam sangat menitikberatkan adab dan kejujuran. Dalam Islam, adab amat penting kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang itu sendiri. Menurut Umi Hayati (2017), agama mempengaruhi perilaku seseorang dalam kehidupan sehariannya. Nilai agama itu menjiwai dan menjadikan seseorang itu menjauhi sikap negatif dan menjadikan individu yang berakhlak. Kegiatan memplagiat ini boleh menjatuhkan agama Islam dan jati diri seseorang itu juga turut terjejas. Sekiranya seseorang itu mempunyai nilai agama yang tinggi, maka masalah tingkah laku plagiat ini boleh dikurangkan. Seseorang individu pasti tidak akan melakukan plagiat sekiranya ia mempunyai nilai agama yang tinggi. Nilai-nilai agama seperti kejujuran, amanah, tanggungjawab dan toleransi perlu diterapkan dalam diri setiap individu bagi menangani salah laku plagiat. Dengan adanya pemberian maklumat dan nilai agama, salah laku plagiat dapat ditangani

maka idea-idea asal daripada penulis yang berwibawa pasti akan terpelihara dan dihargai oleh semua lapisan masyarakat. Namun keagamaan didapati tidak dapat mempengaruhi tingkah laku plagiat dan pemberian maklumat (Abdul Mutalib Mohamed Azim, 2018). Ini menunjukkan terdapat percanggahan dalam hasil kajian.

Kajian ini mengetengahkan dua faktor yang dijangka dapat mengurangkan tingkahlaku plagiat iaitu pemberian maklumat dan keagamaan. Secara khusus objektif kajian ini ialah melihat hubungan antara pemberian maklumat dan keagamaan dengan tingkah laku plagiat dalam kalangan pelajar.

## **KAJIAN LITERATUR**

Plagiat boleh ditakrifkan sebagai perbuatan mencedok kata-kata, idea dan lain-lain daripada karya orang lain dan dipersembahkan sebagai karya sendiri (Kamus Dewan, 2005). Kata plagiat adalah terma yang diambil daripada kata *plagiarize* dalam bahasa Inggeris. *Plagiarize* secara etimologinya berasal daripada kata Latin *plagiare* yang membawa maksud menculik atau melarikan. Penggunaan terma ini dalam sejarah bahasa Inggeris telah digunakan seawal tahun 1600-an. Manakala terma *plagiarisme* pula juga berasal daripada bahasa Latin, iaitu yang bermaksud penculik (Muhammad Zalnur, 2012)

Istilah plagiat ini sudah dimasukkan dalam Peraturan Menteri Pendidikan Nasional tahun 2010 tentang pencegahan dan penanggulangan plagiat di perguruan tinggi. Dalam Peraturan Menteri Pendidikan Nasional ini, plagiat didefinisikan sebagai perbuatan secara sengaja atau tidak sengaja dalam memperoleh atau mencuba memperoleh kredit atau nilai untuk suatu karya ilmiah, dengan meniplak sebagian atau seluruh karya ilmiah orang lain, tanpa menyatakan sumber secara tepat dan memadai (Faizuddin Harliansyah, 2017).

Plagiat merupakan sejenis masalah sosial yang mengancam kewibawaan bidang akademik. Apabila teknologi internet diperkenalkan, masalah ini menjadi semakin teruk kerana internet dijadikan alat untuk melakukan plagiat. Malah, menurut Ramlan Mustafa (2016) menjadi kebiasaan ketidakjujuran akademik ataupun meniplak hasil kerja orang lain berlaku di institusi pengajian tinggi kini. Isu plagiat dalam pendidikan dapat dilihat daripada pelbagai perspektif, penyalinan dokumen, atau meniplak tanpa memberi kredit kepada penulis asal boleh dianggap sebagai ketidakjujuran akademik.

Kajian literatur berkaitan faktor dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (1) hubungan antara pemberian maklumat dan tingkah laku plagiat ; dan (2) hubungan antara keagamaan dan tingkah laku plagiat.

### **Pemberian Maklumat dan Tingkah Laku Plagiat**

Terdapat pelbagai definisi pemberian maklumat yang telah diberikan dalam kajian yang lepas. Pemberian maklumat secara umumnya didefinisikan sebagai tindakan melaporkan kegiatan tidak bermoral atau melanggar hukum yang dilakukan oleh anggota dalam organisasi, (Miceli, 1985).

Pemberian maklumat juga ditakrifkan sebagai pendedahan oleh individu berhubung tindakan yang menyalahi undang-undang atau tidak bermoral dalam sesebuah organisasi. Pemberian maklumat berkaitan salah laku atau menyalahi etika yang sering terjadi dalam kalangan pelajar terutama mahasiswa universiti. Pemberian maklumat membawa kepada pencegahan daripada berlakunya aktiviti, amalan yang menyalahi undang-undang (Norzhiah Othman et al., 2018).

Kajian lepas berkaitan pemberian maklumat dan tingkah laku plagiat amat kurang. Kajian oleh Roslina Yati Mansor (2017) melihat kepada kesukarelaan pelajar membuat pemberian maklumat. Hasil kajian beliau mendapati hanya segelintir pelajar yang bersetuju bahawa menjadi tanggungjawab mereka untuk mengambil tahu salah laku pelajar lain. Beliau

juga mendapati individu yang pernah melakukan pemberian maklumat pada masa lampau kebarangkalian akan memberi maklumat atas apa-apa perkara yang salah di masa hadapan.

Pemberian maklumat juga mempengaruhi tingkah laku seseorang. Kajian yang dibuat oleh Silva (2014) menjelaskan bahawa seseorang yang melakukan pemberian maklumat kurang melakukan salah laku dan mereka lebih cenderung untuk melaporkan salah laku daripada membiarkan salah laku tersebut. Hal ini menunjukkan, pemberian maklumat boleh mengurangkan masalah salah laku seperti plagiat.

Berdasarkan kajian Miceli (1985), kajian ini percaya bahawa jika seseorang pelajar itu yakin sekiranya dengan melaporkan salah laku pelajar akan diambil tindakan dengan segera, mereka ini akan lebih cenderung untuk melakukan tindakan pemberian maklumat sekaligus dapat mengurangkan tingkah laku plagiat.

Hasil kajian oleh Fakhru Anuar Aziz dan Zulikah Jamaludin (2008) mendapati amalan melaporkan salah laku mengurangkan tingkah laku plagiat. Kajian tersebut membuat analisa perbezaan tahun kes plagiat dengan melaporkan salah laku dalam kalangan pelajar jurusan undang-undang. Berdasarkan hasil kajian Roslina Yati Mansor (2017) dan Fakhru Anuar Aziz dan Zulikah Jamaludin (2008), kajian ini menjangkakan semakin tinggi pemberian maklumat maka semakin rendah tingkahlaku plagiat. Ini membawa kepada

Hipotesis 1:

H1: Pemberian maklumat berhubungan secara negatif dengan tingkah laku plagiat.

Selain dari pemberian maklumat, kajian ini juga melihat faktor keagamaan. Berikut akan dibincangkan tentang hubungan antara keagamaan dan tingkah laku plagiat.

### **Keagamaan dan Tingkah Laku Plagiat**

Agama mempengaruhi perilaku seseorang dalam kehidupan sehariannya. Nilai agama itu menjiwai dan menjadikan seseorang itu menjauhi sikap negatif dan menjadikan individu yang berakhlak (Umi Hayati, 2017). Agama adalah sesuatu perkara yang saling berkait rapat dengan tingkah laku. Ketinggian ilmu agama mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang individu itu untuk menjadi lebih baik. Akan tetapi tidak semestinya dengan tingginya pendidikan keagamaan seseorang individu itu mampu menjadikan seseorang itu elok tingkah lakunya. Pendidikan agama merupakan proses sosialisasi yang didalamnya terdapat keilmuan, sikap dan perilaku. Kesedaran agama dan pengalaman agama seseorang lebih menggambarkan jati diri dan moral dalam kehidupan (Umar Sulaiman, 2014).

Beberapa kajian barat mendapati bahawa agama berupaya bertindak sebagai faktor pelindung kepada perlakuan yang menyalahi undang-undang seperti tingkah laku plagiat, mencuri dan menciplak dalam kalangan golongan muda (Dr. Zeenat Ismail, 2012). Malah seperti yang dinyatakan oleh Jackson, (2006) individu yang beragama akan berkelakuan mengikut nilai-nilai yang ada dalam agama tersebut dan tidak akan menampakkan sebarang tingkah laku yang tidak berperikemanusiaan, maka kemungkinan untuk pemberian maklumat ketika menghadapi situasi yang tidak beretika sangat tinggi.

Setiap individu seharusnya melaporkan tingkah laku tidak bermoral kepada pihak bertanggungjawab. Hubungan agama dan moral tidak dapat dipisahkan kerana ianya menentukan tingkah laku seseorang individu (Inawati, 2017).

Dalam institusi pendidikan itu sendiri, salah laku plagiat seringkali menjadi isu di kalangan mahasiswa mahupun pensyarah. Keagamaan boleh dilihat sebagai satu mekanisme penting dalam mengawal tingkah laku. Menurut hasil dapatan kajian Dilek Zamantili Nayir (2011) nilai keagamaan dan moral mempengaruhi keputusan pemberian maklumat. Dapat kita katakan agama merupakan benteng yang kuat untuk menghalang perlakuan yang tidak

bermoral dan perbuatan yang bercanggah dengan kepercayaan agama (David R.Hodge, 2001).

Berdasarkan kajian lepas, kajian ini menjangkakan semakin tinggi keagamaan maka semakin rendah tingkahlaku plagiat. Ini membawa kepada Hipotesis 2:

H2: Keagamaan berhubungan secara negatif dengan tingkah laku plagiat.

Subtopik berikutnya membincangkan metodologi kajian.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan borang soal selidik dalam kutipan data. Responden untuk kajian ini adalah terdiri daripada pelajar sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Selangor. Dengan menggunakan jadual penentuan saiz sampel oleh (Krejcie & Morgan, 1970), populasi seramai 2595 orang pelajar yang telah ditentukan, maka responden adalah seramai 335 set borang soal selidik. Kaedah persampelan yang digunakan oleh dalam kajian ini adalah secara rawak mudah. Borang yang telah diedarkan sebanyak 335 borang dan jumlah yang diterima semula adalah sebanyak 150 borang (45%). Kesemua borang yang diterima boleh digunapakai untuk dianalisa.

## **HASIL KAJIAN EMPIRIKAL**

Hasil kajian empirikal dibahagikan kepada kepada profil responden, analisis kebolehpercayaan, analisis deskriptif dan analisis korelasi.

### **Profil Responden**

Profil responden dibentuk untuk melihat ciri-ciri responden dalam kajian ini. Ciri-ciri responden perlu dikenalpasti untuk memberikan maklumat latar belakang responden. Jadual 1 menunjukkan profil responden :

Jadual 1 Profil Responden

	<b>Ciri Responden</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus %</b>
Jantina	Lelaki	43	28.7
	Perempuan	107	71.3
			100.0
Umur	19 – 21 tahun	53	35.3
	22 – 24 tahun	89	59.3
	25 – 27 tahun	7	4.7
	28 tahun ke atas	1	7
			100.00
Semester	Sem 2	1	7
	Sem 3	4	2.7
	Sem 4	11	7.3
	Sem 5	55	36.7
	Sem 6	19	12.7
	Sem 7	59	39.3
	Sem 8	1	7

Jadual 1 menunjukkan sebahagian besar responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu 107 (71.3 %) dan lelaki 43 (28.7 %). Peringkat umur responden yang terbanyak adalah dalam lingkungan 22 hingga 24 tahun iaitu sebanyak 89 (59.3%). Ini diikuti dengan 53 (35.3 %) iaitu berumur 19 hingga 21 tahun, 7 (4.7%) merupakan responden berumur lingkungan 25 hingga 27 tahun dan 1 (7%) berumur 28 tahun keatas.

Kebanyakan responden adalah daripada semester 7 dengan (39.3%). Ini diikuti dengan 55 (36.7%) merupakan responden semester 5. 19 (12.7%) merupakan responden semester 6, manakala semester 4 sebanyak 11 (7.3%). Semester 8 dan semester 2 masing-masing sebanyak 1 (7%).

### **Analisis Kebolehpercayaan**

Analisis ujian kebolehpercayaan adalah bertujuan untuk memastikan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian yang dikaji. Dapatan kajian yang tepat boleh diperoleh jika pembolehubah dalam kajian selidik menunjukkan tahap reliabiliti yang tinggi. Subtopik berikut adalah perbincangan hasil analisis kebolehpercayaan bagi setiap pembolehubah.

### **Tingkah laku plagiat**

Faktor tingkah laku plagiat mempunyai tujuh soalan sebagai pengukur iaitu saya meniru maklumat daripada pelajar lain ketika peperiksaan atau ujian (b1), saya menyalin (*copy*) pernyataan atau maklumat daripada sumber tertentu tanpa memberi kredit kepada penulis asal (b2), saya tidak akan melakukan plagiat walaupun saya kekurangan idea (b3), saya akan menyiapkan tugas tanpa memplagiat man-mana maklumat (b4), saya tidak pernah menyalin hasil kerja orang lain dan kemudiannya menyatakan itu hasil kerja saya (b5), walaupun segala maklumat di hujung jari, saya tetap akan menggunakan idea sendiri dalam menyelesaikan tugas (b6) dan saya menyalin maklumat daripada sumber internet (b7).

Hasil kebolehpercayaan data mendapati empat soalan pengukuran tingkah laku plagiat iaitu soalan b3 (saya tidak akan melakukan plagiat walaupun saya kekurangan idea), b4 (saya akan menyiapkan tugas tanpa memplagiat mana-mana maklumat), b5 (saya tidak pernah menyalin hasil kerja orang lain dan kemudiannya menyatakan itu hasil kerja saya) dan b6 (walaupun segala maklumat di hujung jari, saya tetap akan menggunakan idea sendiri dalam menyelesaikan tugas) harus digugurkan supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Oleh itu, instrumen pengukur tingkah laku plagiat hanya menggunakan tiga soalan analisis selanjutnya dan nilai cronbach alpha ialah 0.630.

### **Pemberian maklumat**

Pembolehubah tak bersandar pemberian maklumat mempunyai tujuh soalan sebagai pengukur iaitu saya akan melaporkan salah laku plagiat tidak kira apa pun halangannya (c1), saya merasakan ia adalah tanggungjawab semua pihak untuk melaporkan salah laku plagiat (c2), saya akan berpuas hati apabila melaporkan salah laku plagiat (c3), saya tidak memberitahu pensyarah atau pemeriksa sekiranya saya mengetahui tentang perbuatan plagiarisme rakan saya kerana bimbang identiti saya didedahkan (c4), saya memberitahu pensyarah atau pemeriksa sekiranya saya mengetahui tentang salah laku plagiat rakan saya (c5), mengadu tentang salah laku plagiat rakan saya kepada pensyarah adalah perbuatan menganiaya sesama rakan (c6) dan saya bertanggungjawab melaporkan kegiatan plagiat kepada pensyarah atau pemeriksa sekiranya saya tahu (c7).

Hasil kebolehpercayaan data mendapati dua soalan pengukuran pemberian maklumat iaitu soalan c4 (saya tidak memberitahu pensyarah atau pemeriksa sekiranya saya mengetahui tentang perbuatan plagiarisme rakan saya kerana bimbang identiti saya didedahkan) dan c6 (mengadu tentang salah laku plagiat rakan saya kepada pensyarah adalah perbuatan menganiaya sesama rakan) harus digugurkan supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Oleh itu,

instrumen pengukuran pemberian maklumat hanya menggunakan lima soalan untuk analisis selanjutnya dan nilai cronbach alpha ialah 0.781.

### **Keagamaan**

Faktor keagamaan mempunyai tujuh soalan sebagai pengukuran iaitu pegangan agama mempengaruhi tingkah laku saya (d1), pegangan agama saya boleh dizahirkan melalui amalan dan tingkah laku saya (d2), agama mempengaruhi semua aspek spiritual dan fizikal dalam kehidupan saya (d3), saya akan melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan (d4), saya memperuntukkan masa untuk mendalami ilmu agama saya (d5), saya perlu melakukan amalan agama saya di mana sahaja (d6) dan agama mempengaruhi tingkah laku saya dengan tindakan pemberian maklumat (d7). Berdasarkan hasil kajian, nilai cronbach alpha ialah 0.838, kesemua instrumen pengukuran keagamaan adalah bersesuaian dan sahih.

### **Analisis Deskriptif**

Nilai purata menerangkan tentang kecenderungan setiap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Jadual di bawah menunjukkan analisis pengelasan bagi nilai purata dan tahap penilaian.

Jadual 2 Analisis Pengelasan Nilai Purata

<b>Pengelasan Nilai Purata</b>	<b>Nilai Skor</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Najib, (2003)

Analisis deskriptif digunakan untuk melihat taburan nilai bagi setiap pembolehubah. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis deskriptif bagi semua pembolehubah.

Jadual 3: Ujian deskriptif pembolehubah

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Tingkah laku plagiat	150	1.00	5.00	2.3800	.74987
Pemberian maklumat	150	2.00	5.00	3.1853	.64344
Keagamaan	150	2.86	5.00	3.8790	.67306
Valid N (listwise)	150				

Pembolehubah tingkah laku plagiat didapati nilai minima adalah 1.00 dan nilai maksima adalah 5.00. Nilai min pula adalah 2.38 menunjukkan secara purata tingkah laku plagiat adalah sederhana di kalangan responden. Faktor ini adalah yang terendah yang menunjukkan tingkah laku plagiat adalah agak rendah dalam kalangan responden kajian.

Bagi pembolehubah pemberian maklumat menunjukkan nilai minima adalah 2.00 dan nilai maksima adalah 5.00. Nilai min pula adalah 3.18 menunjukkan purata pemberian maklumat yang dilakukan adalah sederhana di kalangan responden kajian.

Pembolehubah keagamaan menunjukkan nilai minima adalah 2.86 dan nilai maksima adalah 5.00. Nilai min pula adalah 3.88 menunjukkan purata keagamaan yang dilakukan adalah tinggi di kalangan responden kajian. Ini menunjukkan nilai keagamaan tinggi dalam kalangan responden kajian.

### **Analisis Korelasi**

Bagi menjawab persoalan kajian ini, kaedah analisis data digunakan ialah analisis korelasi pearson. Penggunaan analisis ini adalah bertujuan untuk mengkaji kekuatan hubungan antara kedua pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Terdapat dua cara pengambilan keputusan dalam analisis korelasi iaitu dengan melihat nilai signifikan dan tanda (\*) yang diperoleh dari keputusan SPSS. Berdasarkan nilai signifikan, jika nilainya < 0.01 maka terdapat korelasi dan positif, manakala jika nilainya > 0.01 maka tidak terdapat korelasi dan negatif. Berdasarkan tanda (\*), jika terdapat tanda tersebut pada nilai korelasi maka terdapat korelasi diantara pembolehubah yang dikaji. Jadual 4.7 menunjukkan data korelasi yang menggunakan kaedah Pearson.

Jadual 4: Jadual Korelasi Pearson pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar

		Min tingkah laku	Min pemberian maklumat	Min keagamaan
Min tingkah laku	Pearson Correlation	1	-.227**	-.001
	Sig. (2-tailed)		.005	.993
	N	150	150	150
Min pemberian maklumat	Pearson Correlation	-.227**	1	.375**
	Sig. (2-tailed)	.005		.000
	N	150	150	150
Min keagamaan	Pearson Correlation	-.001	.375**	1
	Sig. (2-tailed)	.993	.000	
	N	150	150	

Hipotesis 1 menjangkakan terdapat hubungan negatif di antara pemberian maklumat dengan tingkah laku plagiat. Untuk hipotesis 1, nilai korelasi untuk pembolehubah bersandar iaitu tingkah laku plagiat dengan pembolehubah tidak bersandar pemberian maklumat ialah -0.227 dan signifikan pada tahap 0.01. Hasil kajian ini mendapati semakin rendah pemberian maklumat, semakin tinggi tingkah laku plagiat. Maka dapat dirumuskan bahawa H1 diterima iaitu terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tingkah laku plagiat dengan pemberian maklumat. Hal ini disokong berdasarkan kajian lepas iaitu Fakhrul Anuar Aziz dan Zulikah Jamaludin (2008) yang juga mendapati amalan melaporkan salah laku mengurangkan tingkah laku plagiat.

Hipotesis 2 menjangkakan terdapat hubungan negatif di antara keagamaan dengan tingkah laku plagiat. Untuk hipotesis 2, nilai korelasi pembolehubah bersandar iaitu tingkah laku plagiat dengan pembolehubah tidak bersandar keagamaan ialah -.001. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan negatif namun hubungan ini tidak signifikan. Maka dapat dirumuskan bahawa H2 tidak disokong iaitu terdapat hubungan negatif di antara keagamaan dengan tingkahlaku plagiat.



## **Ringkasan Hipotesis**

Jadual 5: Ringkasan Hipotesis Analisis Data

<b>Hipotesis</b>	<b>Keputusan</b>
Terdapat hubungan negatif di antara pemberian maklumat dengan tingkah laku plagiat.	Negatif dan signifikan. H1 disokong.
Terdapat hubungan negatif di antara keagamaan dengan tingkah laku plagiat.	Negatif tetapi tidak signifikan. H2 tidak disokong.

## **KESIMPULAN**

Objektif kajian ini ialah mengkaji hubungan antara pemberian maklumat dan keagamaan dengan tingkah laku plagiat dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. Analisis purata menunjukkan pemberian maklumat adalah agak rendah dan ini menunjukkan kesukarelaan untuk melakukan pemberian maklumat tidak memberangsangkan sedangkan pemberian maklumat ini penting bagi mengurangkan masalah salah laku dalam institusi. Analisis korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara pemberian maklumat dengan tingkah laku plagiat. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pemberian maklumat maka semakin rendah tingkah laku plagiat. Sebaliknya nilai keagamaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku plagiat. Oleh itu, pihak institusi seharusnya memberikan pendedahan tentang keburukan tingkah laku plagiat dan kesalahan tersebut dari segi keagamaan serta menggalakkan mahasiswa untuk melakukan pemberian maklumat. Pendedahan tentang kepentingan pemberian maklumat dijangka akan mengurangkan tingkah laku plagiat dalam kalangan pelajar.

Limitasi kajian meliputi nilai cronbach's alpha agak rendah untuk pemberian maklumat. Ini disebabkan responden tidak memahami maksud pemberian maklumat yang digunakan sebagai pembolehubah tak bersandar dalam kajian ini.

Kadar maklumbalas soal selidik yang diedarkan agak kurang memuaskan. Selain itu, kajian ini adalah berdasarkan persepsi pelajar sahaja dan bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran seseorang pekajar itu untuk menjawab borang kaji selidik yang telah diedarkan.

Dalam kajian ini, terdapat berapa kelemahan diatas sebab-sebab tertentu seperti batasan kajian. Oleh itu, dicadangkan beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan untuk menambahbaik kajian di masa akan datang. Kajian akan datang boleh dilakukan dengan melihat perbezaan diantara institusi awam dan institusi swasta mengenai tingkah laku plagiat serta perbandingan kedua-duanya. Selain itu, kajian akan datang ditambah tentang faktor-faktor lain yang dijangka mengurangkan tingkah laku plagiat dan seterusnya dapat membantu mengurangkan tingkah laku tersebut.

Cadangan agar institusi pengajian dapat melakukan kempen kesedaran tentang pemberian maklumat dan kesan buruk tingkah laku plagiat serta pandangan agama dalam tingkah laku plagiat melalui media massa. Ini kerana pengkaji mendapati ramai dalam kalangan responden dan orang sekeliling tidak tahu apa itu pemberian maklumat dan mengambil mudah tentang tingkah laku plagiat.

## **Rujukan**

- Abd Aziz, A. S., & Ooi, Y. K. (2002). Salahlaku moral menerusi Internet: satu tinjauan. *Jelapang*, 3(1), 55–61.
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Muhamad Salleh, & Misnan Jemal. (2013). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif*, 2, 2462–2435.
- Airasian. (2012). *Educational Research: competencies for analysis and applications*. Pearson
- Ahmad Bashir Aziz. (2004). Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama Di Malaysia. Seminar, (September), 1–13.
- Chua. (2006). *Asas Penyelidikan Statistik*
- Council, D. (2016). “ Whistleblowing ” Policy and Procedure for. Retrieved from [http://www.fbnholdings.com/Whistle\\_Blowing\\_Policy\\_Procedure.pdf](http://www.fbnholdings.com/Whistle_Blowing_Policy_Procedure.pdf)
- Dyrud, M. A. (2017). *Ethics and Whistleblowing : Moral Quandaries*. American Society for Engineering Education.
- Elias, R. (2008). Auditing students’ professional commitment and anticipatory socialization and their relationship to whistleblowing. *Managerial Auditing Journal*, 23(3), 283–294. <https://doi.org/10.1108/02686900810857721>
- Fakhrul Anuar, A., & Zulikha, J. (2002). Plagiarisme Berasaskan Internet : Suatu Analisis. 1st International Malaysian Education Technology Convention, 647–651.
- Fox, M., & Beall, J. (2014). Advice for Plagiarism Whistleblowers. *Ethics and Behavior*, 24(5), 341–349. <https://doi.org/10.1080/10508422.2013.866047>
- Hamid, M. H., & Zainudin, N. (2015). Whistleblowing: an Organizational Support Perspective. / *International Journal of Management Research & Review* \*Corresponding Author, 5(1), 2249–7196. Retrieved from [www.ijmrr.com](http://www.ijmrr.com)
- Inawati, A. (2017). Strategi Pengembangan Moral dan Nilai Agama Untuk Anak Usia Dini Asti Inawati. *Pendidikan Anak*, 3(1), 51–64.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Keenan, J. P. (2000). Blowing the whistle on less serious forms of fraud: A study of executives and managers. *Employee Responsibilities and Rights Journal*, 12(4), 199–217. <https://doi.org/10.1023/A:1013015926299>
- Krejcic, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *ACTIVITIES*, 38, 607–610.
- Mario, F., & Brad, J. (2006). The influence of religion-based workplace spirituality on business leaders’ decision-making: An inter-faith study. *Journal of Management and Organization*, 12(1), 23. <https://doi.org/10.5172/jmo.2006.12.1.23>
- Mechtenberg, L. (2017). Whistle-Blower Protection : Theory and Experimental Evidence \* .
- Mohamad, B., Suradin, A., & Dickson, P. P. (2008). Armenta 2016\_The Historical Loss Scale, (2005), 22–23.
- Mustapha, R., Asilah, N., & Ali, N. (2017). AN EMPIRICAL SURVEY OF AN ACADEMIC DISHONESTY AT A MAJOR PUBLIC UNIVERSITIES IN RECENT YEARS : THE, 5(3), 43–49.
- Mustapha, R., Hussin, Z., & Siraj, S. (2017). Analisis Faktor Penyebab Ketidakhujuran Akademik dalam Kalangan Mahasiswa: Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), 1–18. Retrieved from [umijms.um.edu.my/filebank/published\\_article/11349/\(1-18\)ANALISIS\\_FAKTOR\\_PENYEBAB.pdf](http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/11349/(1-18)ANALISIS_FAKTOR_PENYEBAB.pdf)
- Nayir, D. Z., & Herzig, C. (2012). Value Orientations as Determinants of Preference for External and Anonymous Whistleblowing. *Journal of Business Ethics*, 107(2), 197–213. <https://doi.org/10.1007/s10551-011-1033-4>

- Near, J. P., & Miceli, M. P. (2013). Organizational dissidence: The case of whistle-blowing. Citation Classics from The Journal of Business Ethics: Celebrating the First Thirty Years of Publication. [https://doi.org/10.1007/978-94-007-4126-3\\_8](https://doi.org/10.1007/978-94-007-4126-3_8)
- Nurmina, & Hartati, N. (2017). Perilaku plagiat mahasiswa antara niat dan keterampilan menulis. *Jurnal RAP UNP*, 8(2), 170–179.
- Norziah, Ameera & Raudhiah. (2018). ‘ Whistleblowing ’ dalam Kalangan Pelajar di Insititusi Pengajian Tinggi, (Iseb), 878–884.
- Megat. (2016). Integriti Anggota Polis Diraja Malaysia ( Pdrm ):, 11(1), 137–160.
- Rosman, A. S., Hassan, A. M., Shah, A., Ripin, M. N., & Marni, N. (2008). PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA ( UTM ) TERHADAP PLAGIARISME, 48, 1–14.
- Sousa-silva, R. (2013). Whistleblowers on Plagiarism and the Moral Grey Area, (June 2014). <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.5116.0806>
- Suryana, E. (2016). Self Efficacy Dan Plagiarisme Di Perguruan Tinggi. | *Tadrib,II(02)*, 1–24.
- Toker Gökçe, A. (2013). Whistle-Blowing Intentions of Prospective Teachers: Education Evidence. *International Education Studies*, 6(8), 112–123.
- Umi Hayati. (2017). Nilai-nilai Dakwah : Aktivitas Ibadah dan Perilaku Sosial. *Interdisciplinary Journal of Communication*, 2(2), 175–192.
- Wahyuningsih, W. (2016). Pengaruh Pemberian Reward, Komitmen Organisasi, Gender, dan Masa Kerja terhadap Whistleblowing (Studi Empiris pada Kamtor PT. PLN (Persero) Wilayah Sumatra Barat). *JOM Fekon*, 1–22.
- Wibowo, A. (2012). Mencegah dan Menanggulangi Plagiarisme di Dunia Pendidikan. *Kesmas: Jurnal Kesehatan Masyarakat Nasional*, 6(5), 195–200.
- Yahaya, A. (2003). pendidikan Agama, keseimbangan kognitif dan tingkah laku positif di kalangan darjah pelajar darjah khas Sekolah Agama di Johor Bharu, 1–19.
- Yani Jalil, F. (2014). Pengaruh Komitmen Profesional Dan Sosialisasi Antisipasif Mahasiswa Audit Terhadap Perilaku Whistleblowing. *Jurnal Bisnis Dan Manajemen*, 4(2), 198–209.
- Zalnur, M. (2012). Plagiarisme Di Kalangan Mahasiswa Dalam Membuat Tugas-Tugas Perkuliahan Pada Fakultas Tarbiyah Iain Imam Bonjol Padang. *AL-Ta Lim*, 19, 55. <https://doi.org/10.15548/jt.v19i1.6>